

**beli di mana**

# FESYEN KELUARGA

Rekaan terbaru Jeep penuhi aspirasi gaya semasa, bersulam ilham klasik

Oleh Fairuz Zaidan  
fairuzaidan@bharian.com.my

**P**ESONA fesyen klasik era 1940-an hingga 1950-an dengan cetusan inspirasi kenderaan Jeep Willys menjadi teras jenama pakaian Jeep bagi koleksi terbaru musim bunga/panas 2012.

Kesinambungan hamparan gaya musim lalu, himpunan koleksi musim ini merangkumi keseluruhan segmen penggayaan merangkumi rekaan lelaki dan wanita hinggalah sentuhan memikat bagi kanak-kanak.

Menjelaskan rekaan Jeep musim terbaru, Pengurus Barang Jordone Corporation Sdn Bhd, Niki Leng Sow Wai, berkata selain inspirasi kenderaan lasak Jeep Willys, elemen kombinasi warna turut diberi penekanan bagi rekaan musim ini.

Niki yang menjadi antara kelompok individu dalam pasukan pereka pakaian Jeep mengakui, rona terang seperti kuning, merah, merah jambu dan biru menjadi sebahagian daripada tarikan selain khaki dan coklat.

"Pada masa yang sama, kita menerapkan tema klasik cita rasa fesyen era 1940-an hingga 1950-an yang menjadi bahan eksperimen dalam rekaan. Bukan hanya motif dan cetakan grafik termasuk lakaran Jeep Willys, penggunaan fabrik dan rona warna klasik juga mengimbangi ciri sebenar rekaan musim ini."



*"Pengunaan fabrik dan rona warna klasik juga mengimbangi ciri sebenar rekaan musim ini"*

**Niki Leng Sow Wai**  
Pengurus Barang Jordone Corporation Sdn Bhd

ian Jeep turut terserlah apabila ia tidak hanya memfokuskan kepada kelompok individu tertentu, sebaliknya ia menjurus kepada imej penggayaan sekeluarga.

Kolumn *Beli di Mana* minggu ini memaparkan beberapa rekaan terkini yang ditawarkan bagi keperluan penggayaan lebih santai untuk acara hiburan keluarga.

Kata Niki, kumpulan pembeli terbesar Jeep adalah pembeli berusia antara 25 tahun hingga 35 tahun bagi segmen pakaian dewasa.

"Untuk rekaan musim ini, kita menyediakan hingga 100 pilihan rekaan pakaian seperti kemeja, kemeja-T, seluar denim, seluar Bermuda dan jaket bagi lelaki yang menjadi kelompok pelanggan terbesar Jeep. Manakala bagi wanita, kita sediakan 50 rekaan."

"Dalam segmen kanak-kanak pula, kita tampilkan ilham gaya memikat dengan mainan warna dan motif cetakan grafik mengikut karektor sesuai," kata Niki sambil menambah pasukan pereka Jeep mengambil masa hampir sembilan bulan bagi merealisasikan koleksi musim bunga/panas 2012 kali ini.

Rekaan Jeep musim bunga/panas 2012 boleh didapati di Outfitter Studio dan pusat beli-belah terpilih di Malaysia pada harga permulaan RM49 hingga RM259.90. Bagi mendapatkan info terkini, kunjungi [www.facebook.com/JEEPApparelMY](http://www.facebook.com/JEEPApparelMY).

Keunikan jenama paka-

